

## AMALAN DAN KAEDAH:

IBU BAPA MEMBUAT AMALAN SEPERTI DI BAWAH:

1. Niat untuk menyembuhkan anak dari menagih dadah
2. Sediakan air dalam bekas dan baca kedalam air
3. Selawat Nabi SAW.
4. Surah Al Fatihah

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ﴿١﴾ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٢﴾ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ﴿٣﴾ مَلِكِ يَوْمِ

الْأَدِينِ ﴿٤﴾ إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ ﴿٥﴾ أَهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ ﴿٦﴾ صِرَاطَ الَّذِينَ

أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ ﴿٧﴾

5. Ayat Kursi

6. Ayat Taha seperti di bawah

طه ﴿١﴾ مَا أَنْزَلْنَا عَلَيْكَ الْقُرْآنَ لِتَشْقَىٰ ﴿٢﴾ إِلَّا تَذَكْرَةً لِّمَن تَخْشَىٰ ﴿٣﴾ تَنْزِيلًا مِّمَّنْ

﴿٤﴾ خَلَقَ الْأَرْضَ وَالسَّمَوَاتِ الْعُلَىٰ ﴿٥﴾ الرَّحْمَنُ عَلَى الْعَرْشِ اسْتَوَىٰ ﴿٦﴾

Surah Taha ayat 1 – 5

**MAKSUDNYA:**

"Ta ha. Kami tidak turunkan Al Quran ini kepadamu agar kamu menjadi susah, tetapi sebagai peringatan bagi orang yang takut (Allah). Iaitu diturunkan kepada Allah yang menciptakan bumi dan langit yang tinggi. Tuhan Yang Maha Pemurah. Dia bersemayam di atas arasy."

7. Membaca selawat Munjiyah 100 kali

SELAWAT MUNJIYAH

**MAKSUD**

"Ya Allah, selamat sejahtera ke atas penghulu Nabi Muhammad, kesejahteraan menyelamatkan kami daripada seluruh kesukaran dan kebinasaan yang menyempurnakan dengannya semua hajat kami, juga membersihkan dengannya daripada semua kejahatan, dan mengangkat kami dengannya disisiMU setinggi darjat, dan membolehkan kami mencapai setinggi matlamat semua kebajikan, juga selepas mati, selawat sejahtera ke atas keluarga, sahabat dan sejahtera yang banyak dengan rahmatMu wahai Tuhan yang maha mengasihani daripada segala yang mengasihani."

8. Selepas itu, berilah minum air itu dan gunakan air itu dalam makanannya. Air biasa boleh di campur.

9. Basuh baju anak dengan air itu tiap-tiap hari selama perlu.

10. Baca juga Doa Pemisah seperti di bawah:

Doa pemisah

DOA

**MAKSUD**

*"Ya Allah, jauhkan diantara dia dengan kawan kawannya (yang tidak baik dan bersikap buruk), seperti mana Engkau jauhkan diantara langit dengan bumi, jauhkan di antara mereka sebagai mana Engkau jauhkan diantara Syurga dan Neraka, dan jauhkan diantara mereka sebagaimana Engkau jauhkan diantara Iman dan Kufur. Dengan rahmat Mu Ya Allah Tuhan yang Maha Pemurah, Mengasihani."*

11. Baca Amin ya Rabul alamin.

Jika anak yang menagih dadah itu telah menunjukkan sedikit perubahan, galakkan anak itu jangan meninggalkan sembahyang fardhu dan sentiasa beramal dengan:

1. Membaca Selawat.
2. Membaca Surah AL-Fatihah.
3. Membaca Ayat Kursi.
4. Berdoa.

Doa : " Ya Allah Ya Tuhanku dengan berkatmu Engkau jauhkanlah aku dari syaitan dan iblis."

Kekuatan amalan ini dapat melembutkan hati anak dan menegahnyanya dari menagih dadah.

#### AMALAN TAMBAHAN

Disarankan, ketika jauh di tengah malam. Bila anak duduk bersendirian dan di malam yang dingin itu tenang, galakkan anak menghayati dan menyebut Zikir Ya Syafi dan bertekad dan ditanamkan keazaman, menjauhkan diri dari perbuatan jahat dan meninggalkan dadah.

#### **ZIKIR YA SYAFI**

Ya Khafi ... Yang Maha Memberi Kebaikan

Ya Syafi .... Yang Maha Menyembuhkan

Ya Muafi .... Yang Memberi Afiat

Bacalah zikir tersebut sebanyak mungkin.

## **PERINGATAN**

Kaedah yang terbaik merawat mereka yang terlibat dengan dadah ialah menanamkan kesedaran dalaman pada diri. Rawatan seperti ini memerlukan usaha kesungguhan. Doa doa dan usaha yang dilakukan oleh orang lain, termasuk usaha yang dilakukan pihak kerajaan di pusat pusat rawatan akan gagal, meskipun berjaya. Tidak seimbang dengan modal yang telah dikorbankan apabila ia tidak bermula dari kesedaran dalaman, jika tidak, tidak baiklah hasilnya.

Perlu di ingat, mereka mungkin tidak mengambil dadah ketika di rawat di pusat rawatan tersebut, tetapi kemungkinan besar akan mengambil semula dadah apabila keluar dari pusat rawatan kerana di dalam dirinya tidak di isi dorongan atau kesedaran untuk berhenti. Pengedar dadah ada di merata tempat dan mudah untuk dihubungi. Akhirnya, rawatan di pusat rawatan hanya sia sia sahaja. Sekiranya wujud rasa kesedaran dan keazaman mereka akan mengelak diri daripada menapak semula ke sarang sarang dadah atau ke lorong lorong yang pernah dihuni di situ penagih berkumpul.